



**TEKS UCAPAN
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN
JALAN LINGKARAN TENGAH UTAMA (LTU)
SEKSYEN 5A: RAUB BYPASS, RAUB, PAHANG**

7 MAC 2024

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA MADANI,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana kita semua diberi kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama hadir meraikan **Majlis Perasmian Pembukaan Jalan Lingkaran Tengah Utama (LTU) Seksyen 5A: Raub ByPass, Raub, Pahang**. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang** kerana telah sudi untuk bersama-sama hadir pada hari ini.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan semua jabatan persekutuan dan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi negeri termasuklah pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) yang telah memainkan fungsi dan peranan dalam proses pengambilan balik tanah yang ada kalanya begitu rumit dan mencabar. Sesungguhnya dengan adanya kerjasama yang kukuh dan erat sebegini, segala perancangan projek untuk manfaat segera kepada rakyat berjaya direalisasikan. Saya amat mengalu - alukan kerjasama sebegini terus diperkasa dan diperkukuh untuk menjamin kejayaan projek-projek Kerajaan yang lain pada masa hadapan demi kesejahteraan dan kebaikan pengguna dan rakyat.

3. Saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya selaku Agensi Pelaksana dan Syarikat Majulia Sendirian Berhad sebagai *Main Contractor* di atas kejayaan melengkapkan pakej pembinaan dan seterusnya membolehkan perasmian pembukaannya hari ini.

Tuan-Puan Hadirin Yang Dihormati,

4. Tidak dapat dinafikan bahawa infrastruktur jalanraya dan jambatan adalah antara enjin serta pemangkin pembangunan negara agar rakyat di mana sahaja dapat bersama menikmati kebaikan dan kemajuan yang di bawa bersamanya. Ini meliputi menghubungkan sesama rakyat, mendekatkan yang dahulunya jauh, mempercepatkan yang dahulunya perlahan dan menjimatkan yang dahulunya mahal samada dari segi kos dan masa perjalananan. Infrastruktur jalan raya juga merupakan enjin penting dalam memastikan aktiviti sosio ekonomi rakyat, negeri dan negara dapat terus berkembang pesat.

5. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelbagai projek infrastruktur melibatkan jalan dan jambatan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Ini termasuklah projek-projek yang telah dikenalpasti di negeri Pahang. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan ialah projek **Lingkar Tengah Utama (LTU) atau dahulunya dikenali sebagai Central Spine Road** yang menghubungkan **Kuala Krai, Kelantan sehingga Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), Pahang**. Panjang keseluruhan projek LTU adalah **299.4 kilometer** serta melibatkan kos sebanyak **RM7.7 bilion**.

6. Untuk makluman, projek Lingkar Tengah Utama (LTU) ini dilaksanakan secara berperingkat bermula seawal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang melibatkan lima (5) Pakej iaitu

Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit;

Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang;

Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong;

Pakej 4: Kg. Relong ke Raub;

Pakej 5: Raub ke Bentong; dan

Pakej 6: Bentong ke Persimpangan LPT.

7. Pelaksanaan projek adalah mengikut **keutamaan pembinaan** berdasarkan kawasan yang terdedah kepada kemalangan (*Black Spot*) dan yang menyebabkan kesesakan lalu lintas. Oleh yang demikian, **Pakej 3 dan Pakej 5 dimulakan terlebih dahulu** dan disiapkan lebih awal berbanding Pakej 1, 2 dan 4.

8. Sebahagian daripada LTU Pakej 3 dan Pakej 5 telah pun siap dan dibuka untuk kegunaan rakyat Malaysia Madani. Pakej 3 yang telah dibuka kepada umum adalah sepanjang 55.35 kilometer manakala Pakej 5 yang telah dibuka termasuk sebahagian Seksyen 5A ini ialah 51.5 kilometer. Ini menjadikan LTU yang boleh dilalui pengguna jalan raya pada ketika ini adalah sejauh 106.85 kilometer daripada jajaran keseluruhannya di Negeri Pahang iaitu sepanjang 169.10 kilometer. Baki 62.25 kilometer lagi sedang dalam pembinaan.

9. Projek LTU Pakej 5: Raub ke Bentong, Seksyen 5A: Raub *ByPass* ini telah dimulakan pada 13 Jun 2019 melibatkan kos berharga RM 252.5 juta. Antara skop kerja yang dilaksanakan ialah membina jalan baru empat (4) lorong dua hala (*dual carriageway*) mengikut reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 9.6 kilometer, dua (2) buah persimpangan bertingkat, lima (5) buah jambatan, tiga (3) buah *vehicular box culvert* (VBC), dan kerja-kerja pemasangan komponen elektrik. Sebahagian Seksyen 5A : Persimpangan Krau sepanjang 600 meter telah dibuka kepada pengguna jalan raya pada 25 Jun 2023. Manakala Seksyen 5A : Raub *Bypass* sepanjang 6.4 kilometer telah mendapat *Certificate of Completion* (CPC) pada 29 Februari 2024.

Tuan-Puan Yang Dihormati,

10. Kementerian Kerja Raya amat bersyukur dan berbesar hati dapat menyiapkan satu lagi projek yang dapat memberi manfaat kepada semua rakyat dengan menyediakan rangkaian hubungan, aksesibiliti dan mobiliti melalui penyediaan infrastruktur jalan yang berkualiti. Pembukaan jajaran ini pastinya akan memberi manfaat kepada pengguna jalanraya dengan memendekkan masa perjalanan dari Leburaya Pantai Timur ke Kuala Lipis tanpa perlu melalui Bandar Bentong dan Raub dengan jarak perjalanan 45.3 kilometer yang mengambil masa 30 minit sahaja. Penjimatan masa ini kemudiannya diharapkan dapat menjimatkan keseluruhan kos perjalanan.

11. Pembukaan jajaran ini juga akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di Jalan Persekutuan FT008 sedia ada terutamanya pada waktu puncak, ketika musim perayaan dan cuti sekolah dan seterusnya menjimatkan masa sehingga 2 jam berbanding jika kita melalui jalan sedia ada yang terpaksa melewati Bandar Bentong dan Bandar Raub. Sementelahan, risiko kemalangan jalanraya juga diharap dapat dikurangkan kerana simpang jalan yang bakal dibuka ini dilengkapi dengan lampu isyarat.

12. Sempena hari perasmian ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya selaku tulang belakang projek, pasukan projek JKR Malaysia yang menjadi teraju utama dalam pelaksanaan projek pembinaan ini, para perunding yang menyelia dan mengawasi projek serta pihak kontraktor yang berjaya menyiapkan jalan LTU Raub Bypass ini dengan komitmen dan usaha yang berterusan dari mula pembinaan sehingga ke tarikh penyerahan pada hari ini.

13. Saya juga berharap agar segala aduan kecacatan atau kerosakan jalan oleh pihak pengguna dalam tempoh tanggungan kecacatan ini diberi perhatian dan diambil tindakan segera untuk kebaikan bersama. Semoga para pengguna jalan LTU Raub Bypass berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur yang telah disediakan seterusnya dapat menikmati perjalanan yang lebih selesa dan selamat.

KEMPEN MYJALAN

14. Dalam usaha meningkatkan nilai-tambah dan melengkapkan tawaran perkhidmatan infrastruktur jalanraya kepada rakyat Malaysia Madani, KKR telah membangunkan Program dan apps MYJalan yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Ogos 2023 lalu. MYJalan yang dibangunkan oleh pasukan dalaman Kementerian merupakan aplikasi 'one stop centre' dan *total solution* dalam mengumpul data aduan berkenaan jalanraya Malaysia, penyaluran aduan kepada pemegang taruh penyeliaan jalanraya seperti JKR dan Kerajaan Tempatan, serta keupayaan untuk pengguna memantau aduan yang telah dibuat. Berkonsepkan '**No Wrong Door Policy**', aplikasi ini menerima semua jenis aduan berkaitan infrastruktur jalan raya, termasuk jalan yang bukan di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya. Aduan-aduan ini akan disalurkan kepada pihak bertanggungjawab untuk diambil tindakan segera.

15. Besar harapan saya agar Kempen MYJalan ini akan disambut baik serta dilestarikan oleh semua pihak dan pengguna jalan raya. **Jalan Kita, Kitalah Yang Jaga**. Di kesempatan ini, dengan rendah hati ingin saya menjemput Kerajaan Negeri Pahang untuk bersama-sama KKR di dalam Program MYJalan ini bagi kita sama-sama melancarkan usaha kita dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang selesa dan selamat kepada rakyat. Gunakan MYJalan untuk menyalurkan aduan bagi membantu kami bertindak pantas pada setiap aduan yang diterima; #KamiDiSini untuk terus berjasa kepada rakyat.

16. Akhir kalam, sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

-Tamat-